

KERATAN AKHBAR

TARIKH : 6 OKTOBER 2022
AKHBAR : BERITA HARIAN
MUKA SURAT : 2

Majoriti rakyat Malaysia buat 2 kerja

Majoriti rakyat Malaysia buat 2 kerja



Platform ekonomi gig antara kerja tambahan dilakukan rakyat Malaysia bagi menampung kos sara hidup. (Foto hiasan)

Kajian dedah golongan Gen Z, Millennial peneraju trend cari duit tambahan

Oleh Alzahrin Alias
zahrin@bh.com.my

Kuala Lumpur: Kenaikan kos sara hidup dan cabaran ekonomi semasa menyebabkan rakyat Malaysia mencari kaedah tambahan untuk mengurangkan tekanan kewangan dengan 66 peratus daripada pekerja berpendapatan mempunyai sumber pendapatan kedua.

Ia kadar paling tinggi dalam kalangan negara yang terbabit dalam kaji selidik terkini Employment Hero antaranya Singapura (56 peratus), Australia (51 peratus), New Zealand (51 peratus) dan United Kingdom (38 peratus).

Menurut Laporan Kerja Jarak Jauh 2022 yang mengambil maklumat lebih 1,000 pekerja berpendapatan, golongan Gen Z dan Millennial berusia antara 18 hingga 35 tahun adalah peneraju trend ini dengan 49 peratus yang berusia antara 14 hingga 24 tahun dan 42 peratus berusia antara 25 hingga 34 tahun mempunyai dua pekerjaan atau menjalankan perniagaan.

Menariknya, mereka yang mempunyai aliran pendapatan tambahan melihatnya sebagai positif dengan 77 peratus berkata ia meningkatkan kualiti kehidupan.

Kebanyakan majikan atau 78 peratus juga percaya produkti-

viti golongan ini di tempat kerja tidak terkesan dengan mempunyai aliran pendapatan lain. 38 peratus mereka yang boleh menjalankan sumber pendapatan kedua semasa waktu kerja mengaitkannya dengan fleksibiliti bekerja dari jarak jauh atau secara hibrid.

Walaupun kebanyakan kakitangan bekerja dari jarak jauh atau secara hibrid dari 2020 hingga 2021 ketika Perintah Kawalan Pergerakan (PKP), kembalinya norma pasca pandemik menyaksikan 55 peratus daripada tenaga kerja kembali ke pejabat sepenuh masa tahun ini. Daripada jumlah itu, 43 peratus menyatakan ia disebabkan arahan majikan.

Bagaimanapun, 88 peratus pekerja di negara ini mahu bekerja dari jarak jauh sekurang-kurangnya sekali seminggu.

Peneraju trend ini adalah golongan Gen Z dengan 83 peratus yang berusia antara 18 hingga 24 tahun memilih untuk bekerja jarak jauh sekurang-kurangnya sekali seminggu.

Kerja jarak jauh lebih baik

Kerja dari jarak jauh dan hibrid juga dilihat lebih baik untuk keseimbangan kerja-kehidupan, kewangan peribadi dan mengelakkan perubahan iklim, membolehkan rakyat Malaysia membahagikan masa antara rumah dan kerja, menjimatkan makanan dan pengangkutan, selain mengurangkan pelepasan karbon daripada memandu.

Menarik juga, rakyat Malaysia turut percaya bekerja dari jauh menyokong kepelbagaian, kesaksamaan dan keterangkuman.

Mereka yang dikaji dalam kumpulan terpinggir, 60 peratus bersetuju bahawa bekerja dari jauh melindungi mereka dari-

pada diskriminasi dan 40 peratus bekerja budaya di tempat kerja bertambah baik ketika mereka bekerja dari jarak jauh.

Namun, meskipun pekerja berminat untuk menjalankan kerja dari jarak jauh dan hibrid, ramai turut menyedari bahawa aktiviti mereka dipantau.

Sebanyak 61 peratus pekerja pula berkata, majikan menggunakan sistem pemantauan aktiviti atau penjejakan termasuk algorithma menjejak produktiviti (24 peratus), log rakaman video atau tangkapan layar (12 peratus) dan log kekunci (10 peratus).

Bagaimanapun, pekerja Malaysia mempunyai pandangan paling positif dan tahap kepercayaan terhadap teknologi serta mesin pembelajaran di tempat kerja, berbanding dengan negara lain yang dikaji.

Ketua Pegawai Insan Employment Hero, Alex Hattingsh, berkata terdapat keutamaan yang jelas pilihan pekerja berkemahiran di negara ini supaya dapat menjalankan kerja dari jarak jauh, terutama menggunakan modal hibrid yang membolehkan mereka memanfaatkan suasana terbaik di rumah dan pejabat.

"Daripada semua negara dikaji dalam laporan kami, menarik menyaksikan rakyat Malaysia menyerlah dengan melihat sumber pendapatan kedua sebagai positif, malah penting, sebagai tambahan kepada kehidupan."

"Ia mencerminkan kesanggupan mereka mengambil cabaran dan menunjukkan keupayaan mengimbangi pelbagai tanggungjawab tanpa menjejaskan produktiviti di tempat kerja. Majikan perlu bijak untuk mengingati, terutama apabila berurusan dengan generasi lebih muda di tempat kerja," katanya.